


Mekah dan kelebihanannya



ARAFAH adalah antara tempat yang mustajab untuk umat Islam yang mengerjakan haji berdoa.

- Gambar hiasan

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

FIRMAN Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 96 yang bermaksud: *Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah di Mekah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.*

Berkenaan dengan nama Bakkah itu sendiri ada dua pendapat:

- Diambil daripada kesibukan kerana sibuk orang ramai ketika tawaf.
- Dinamakan Bakkah kerana tempat tersebut telah menundukkan leher-leher orang yang takbur apabila mereka melakukan dengan kezaliman pasti dibalas dengan segera.

Nama-nama Mekah

Uniknya kota suci Mekah mempunyai banyak nama sebagai lambang kemuliaannya. Justeru, Imam al-Nawawi Rahimahullah berkata: "Ketahuilah bahawa banyaknya nama menunjukkan kepada kebesaran yang dinamakan, sebagaimana banyaknya nama Allah SWT dan nama Rasul-Nya. "Kita tidak mengetahui suatu tempat yang mempunyai banyak nama selain daripada Mekah dan Madinah, kerana kedua-duanya merupakan sebaik-baik bumi. Disebabkan kerana banyaknya sifat yang boleh dinamakan kepada kedua-duanya".

Suka dinyatakan di sini beberapa nama bagi kota Mekah yang masyhur. Antaranya:

i. Mekah. Mekah ertinya membinasakan atau mengurangkan. Dinamakan Mekah kerana Tanah Haram Mekah seluruhnya, kerana Mekah

Bimbingan Haji

mengurangkan atau menghapuskan dosa orang yang datang kepadanya, atau membinasakan orang yang melakukan kezaliman di Mekah, atau kerana Mekah menghapuskan pemerintah yang zalim dan menundukkan kesombongan mereka.

Dikatakan kerana Mekah menarik ramai manusia datang kepadanya, juga kerana sedikit air yang terdapat padanya.

ii. Bakkah. Bakkah ertinya memecah, menarik atau menunduk seperti yang telah dinyatakan di atas.

iii. Ummu al-Qura. Penamaan Ummu al-Qura membawa maksud ibu kampung atau kota kerana tempat tumpuan manusia. Di samping menjadi kiblat dan terdapatnya Kaabah al-Musyarrifah sejak sekian lama.

iv. Al-Balad dan Al-Baldah. Al-Balad membawa maksud negeri iaitu kota Mekah itu sendiri.

v. Al-Baladu al-Amin. Ia bermaksud negeri yang aman. Mereka yang masuk pasti mendapat keamanan. Al-Maraghi berkata: "Mekah yang dimuliakan Allah dengan adanya Kaabah".

vi. Haraman Amina. Maksudnya ialah Tanah Haram yang aman. Ini terbukti, kota Mekah sememangnya telah menjadi negeri yang aman sejak dahulu lagi.

vii. Al-Qaryah. Maksudnya ialah negeri atau kampung. Negeri yang dimaksudkan ialah Mekah.

Sheikh Badruddin al-Zarkashi Rahimahullah menyebut sebanyak 30 nama bagi kota Mekah. Jelas di sini menunjukkan betapa prihatinnya ulama berkenaan dengan kelebihan dan keistimewaan kota Mekah.

Fadilat Mekah dan keistimewannya

Mekah mempunyai banyak keistimewaan dan fadilatnya.

Pertama: Dajjal tidak boleh memasuki kota Mekah. Ini berdasarkan hadis riwayat al-Bukhari.

Kedua: Tawaf mempunyai banyak kelebihan dengan dihapuskan segala kesalahan dengan diberi kebajikan seperti riwayat al-Tirmidzi. Begitu juga, orang yang tawaf dan solat serta memandang Kaabah mendapat banyak rahmat.

Ketiga: Kelebihan solat di Masjid al-Haram setara dengan seratus ribu di masjid yang lain seperti riwayat Ahmad.

Keempat: Mekah merupakan sebaik-baik tempat di muka bumi berdasarkan hadis riwayat al-Tirmidzi.

Kelima: Terdapat banyak tempat yang mustajab doa di Mekah seperti di belakang maqam Ibrahim, di antara dua rukun Hajar al-Aswad dan Yamani, dalam Hijr Ismail, Arafah, Mina, Mudzliifah dan banyak lagi.

Keenam: Air zamzam yang mempunyai kelebihan yang tersendiri dan dapat menyembuhkan penyakit serta ditunaikan hajat dengan izin Allah SWT. Dan lain-lain lagi.

Penutup

Mekah mempunyai seribu satu macam kelebihan, keistimewaan dan keberkatan. Justeru, bagi yang menjadi *dhu'uf al-rahmah* (tetamu Allah) hendaklah mengambil kesempatan ketika berada di kota Mekah untuk mempelbagaikan aktiviti ibadat kepada Allah SWT. Semoga mendapat haji yang mabrur. Amin.

Fiqh Semasa

Haram makan ikan yang belum disiang

Soalan 1:

APAKAH hukumnya memasak dan memakan ikan yang tidak dibuang isi perutnya terlebih dahulu tetapi isi perutnya tidak dimakan? Contohnya, ada kedai makanan menawarkan ikan yang ditangkap terus dibakar tanpa membuang isi perutnya dan dihidangkan kepada pelanggan.

Jawapan:

Haram memakan ikan yang tidak dibuang najis (darah dan kekotoran yang tidak dibersihkan) di dalam perut ikan tersebut kerana ia akan mengakibatkan najis tersebut meresap kepada isi ikan.

Ini selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu) maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha mengasihani.* (al-Baqarah: 173)

Soalan 2:

Saya ingin bertanya mengenai urusan pernikahan kerana bakal suami saya ialah warganegara asing. Apakah dokumen-dokumen yang saya perlukan untuk permohonan pendaftaran pernikahan di sini agar semuanya berjalan lancar?

Jawapan:

Mereka yang ingin berkahwin dengan warga negara asing hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa warga asing tersebut memiliki dokumen yang sah daripada Kedutaan warga negara berkenaan.

Selepas itu permohonan pendaftaran perkahwinan boleh dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam yang berhampiran.

Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Bahagian Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Jabatan Agama Islam yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat mengenai dokumen lain yang diperlukan untuk perkahwinan dengan warga negara asing.

● Disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia